

**ANALISIS PERSEPSI TENTANG MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI
PENGAJIAN DI KALANGAN PELAJAR CHINA
PERCEPTION ANALYSIS ON MALAYSIA AS A DESTINATION OF EDUCATION AMONG
CHINA'S STUDENTS**

TEE BENG ANN, LIEW CHEI SIANG

ABSTRAK

Globalisasi telah memberi impak yang positif ke atas pengantarabangsaan pengajian tinggi. Sistem pengajian tinggi yang relevan, berdaya saing dan diiktiraf di peringkat antarabangsa bukan sahaja dapat menghasilkan graduan yang berkebolehpasaran malah ia dapat menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian ke Malaysia. Usaha mempergiatkan pengantarabangsaan merupakan salah satu teras yang terkandung dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. Statistik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa ke IPTA dan IPTS meningkat daripada 30397 pada tahun 2003 kepada 80750 pada tahun 2009 dengan kadar pertumbuhan purata 17.7 peratus setahun. Statistik mengikut negara asal memperlihatkan enrolmen pelajar antarabangsa yang tertinggi pada tahun 2009 adalah dari Iran (13.5 peratus), Indonesia (12.2 peratus) dan China (11.4 peratus). Objektif kertas kerja ini adalah untuk menganalisis persepsi tentang kelebihan Malaysia sebagai destinasi pembelajaran di kalangan pelajar China. Selain itu, perbandingan persepsi mengikut pelbagai latar belakang pelajar juga akan dijalankan. Data primer yang digunakan dalam kajian ini diperolehi melalui satu set soal selidik. Satu sampel rawak 300 orang pelajar China yang menuntut di IPTA dan IPTS telah dipilih. Kaedah analisis yang digunakan termasuk analisis faktor, ujian perbandingan min dan ujian khi-kuasa dua. Berdasarkan keputusan analisis faktor, pembangunan diri dan penimbaan pengetahuan merupakan dua daripada lima motif utama yang mendorong pelajar China menyambung pengajian ke Malaysia. Selain itu, keputusan kajian menunjukkan wujud ketidaksagaman persepsi pelajar terhadap motif mengikut jantina, kawasan tempat tinggal asal, tahun dan program pengajian serta jenis IPT yang mereka menuntut.

Kata kunci: Pengantarabangsaan pengajian tinggi

ABSTRACT

Globalization has led to a positive impact on the internationalization of higher education. The system of higher education that are relevant, competitive and internationally recognized is not only competent to produce marketable graduates but also may able to attract more international students to study in Malaysia. Efforts taken to accelerate the internationalization process is one of the cores contained in the National Higher Education Strategic Plan, which aims to make Malaysia a hub for international excellence in higher education. Statistics of the Ministry of Higher Education shows that the number of enrollment of international students to institutions of higher learning, IPTA and IPTS, has increased from 30,397 in 2003 to 80,750 in 2009 with average growth rate of 17.7 per cent a year. Furthermore, statistics by country of origin indicates that the highest international student enrollment in 2009 was from Iran (13.5 percent), Indonesia (12.2 percent) and China (11.4 percent). Therefore, the objective of this study is to analyze the perceptions regarding the advantages of Malaysia as a destination for education among students from China. In addition, comparison of the perception based on different background of the students will also be conducted. The primary data used are obtained through a questionnaire. A random sample of 300 Chinese students studying in institutions of higher learning has been selected. The methods applied included factor analysis, mean comparison test and chi-square test. Based on the results, two of the five main motives, particularly, the personal development and the intention to gain more knowledge seem to be the key factor that encourage student from China to pursue their studies in Malaysia. The results further show that there

are discrepancies in students' perceptions of motives based on gender, residence area of origin, year, and program of study as well as types of institutions of higher learning that they choose to study.

Keywords: Internationalisation of higher education

PENGENALAN

Sejak memegang tampuk pemerintahan, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sering kali menekankan keperluan membina modal insan negara. Menurut beliau, dalam perlumbaan negara mengejar kemajuan ekonomi dan teknologi yang sejajar dengan negara-negara asing, aset negara paling berharga yang dapat menentukan tahap kejayaannya adalah tenaga kerjanya. Meskipun negara dihadiahkan sumber asli yang kaya, suasana politik yang stabil dan keadaan ekonomi yang sihat, tetapi ia tidak akan dapat terus bertahan sekiranya tenaga kerjanya tidak memiliki kualiti tertinggi dan terpuji. Dalam hal ini, modal insan negara harus dibina dan dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang sewajarnya. Pastinya, sasaran ini begitu berkait rapat dengan penglibatan rakyat sejagat dalam merealisasikan konsep dan sistem pendidikan negara, khususnya pada tahap pengajian tinggi dan profesional.

Mengikut Ketua Setiausaha KPTM, Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan, salah satu kaedah terpenting kementerian dalam membangunkan modal insan negara ialah melalui penggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan dengan IPT luar negara. Kerjasama sebegini akan membolehkan penuntut tempatan mendalami dan mempelajari intipati kejayaan rakan-rakan seperjuangan antarabangsa mereka untuk kebaikan rakyat tempatan. Selain itu, ia juga memastikan negara tidak ketinggalan dalam sebarang pencapaian yang telah pun direalisasikan di negara-negara lain. Dengan itu, KPTM akan menubuhkan lebih banyak cawangan IPT berprestij antarabangsa di dalam negara. Ia bukanlah suatu inisiatif yang baru kerana cawangan-cawangan universiti terkenal dunia seperti *Monash University* dari Australia, *Nottingham University* dari United Kingdom dan *Malaysia University of Science and Technology (MUST)* (ditubuhkan dengan kerjasama *Massachusetts Institute of Technology* di Amerika Syarikat) telah pun bertapak di negara sejak beberapa tahun lalu. Namun usaha ini akan digiatkan lagi agar negara dapat terus meraih manfaat penyaluran ilmu pengetahuan terkini dan berkualiti kepada penuntut tempatan dan membuka peluang kepada lebih banyak penuntut tempatan mendapat pendidikan kelas pertama.

Kecemerlangan Malaysia di peringkat global memerlukan sistem pengajian tinggi yang relevan, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan sejagat. Sistem yang diiktiraf di peringkat antarabangsa akan menghasilkan graduan yang berkebolehpasaran, mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dan menjana inovasi melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Pengukuhan jaringan dan pengantarabangsaan merupakan pendekatan yang dapat mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan pengajian tinggi agar setanding dengan sistem pengajian tinggi yang terbaik di dunia. Pengukuhan jaringan dan pengantarabangsaan ini dapat dicapai melalui kolaborasi penyelidikan, penawaran pengajian yang relevan dan penubuhan pelbagai kursi pengajian di institusi pengajian tinggi luar negara dalam usaha membina reputasi antarabangsa.

Pada masa yang sama, pelbagai usaha akan dilakukan untuk memperoleh pengiktirafan antarabangsa bagi program pengajian tinggi Malaysia. Pengiktirafan program pengajian tinggi Malaysia seperti program kembar (*twinning*) IPT dengan universiti luar negara perlu dipergiatkan. Matlamat teras ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2007). Berdasarkan laporan KPTM, pada tahun 2009 terdapat seramai 80,750 pelajar antarabangsa di Malaysia. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 16.75 peratus berbanding tahun sebelumnya. Daripada statistik bilangan pelajar antarabangsa tersebut, pelajar dari Iran mendahului negara-negara lain dengan jumlah 10,932 orang, diikuti oleh Indonesia (9,812), China (9,177) dan Nigeria (5,969). Nisbah antara perbelanjaan terhadap mengimport perkhidmatan pengajian tinggi dengan GDP bagi China masing-masing adalah 0.20 peratus dan 0.26 peratus. Iaitu sebanyak US\$ 428,836 juta (UNCTAD 2007). Berdasarkan perbelanjaan terhadap mengimport perkhidmatan pengajian tinggi, potensi pasaran negara China adalah jauh lebih besar.

Di sini timbul satu persoalan iaitu sejauh manakah kelebihan Malaysia dapat mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian tinggi mereka di Malaysia? Selain itu, apakah motif peribadi yang mendorong pelajar antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pembelajaran? Sejalan dengan permasalahan kajian yang dikemukakan di atas, objektif umum kajian ini

adalah untuk meninjau faktor-faktor utama yang mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa untuk menuntut di Malaysia. Objektif khusus kajian ini adalah menganalisis motif yang mendorong pelajar China menuntut di Malaysia dan membandingkan motif tentang kelebihan menuntut di Malaysia mengikut pelbagai latar belakang pelajar.

KAJIAN LEPAS

Sheth et al. (1991) menganggap gaya pemilihan pelajar merangkumi lima nilai yang bebas iaitu nilai fungsi, nilai sosial, nilai pengetahuan, nilai emosi dan nilai bersyarat. Tahap di mana sesuatu produk atau perkhidmatan memenuhi keperluan pelajar dikenali sebagai nilai fungsi. Nilai sosial melibatkan pemilihan sesuatu produk atau perkhidmatan yang dapat mempamerkan imej yang wujud dalam kesedaran sosial pelajar. Produk atau perkhidmatan yang menimbulkan reaksi positif atau negatif dikatakan mempunyai nilai emosi. Nilai pengetahuan merujuk kepada keupayaan sesuatu produk atau perkhidmatan memenuhi rasa ingin tahu pelajar, memberi pengetahuan atau pengalaman baru. Nilai bersyarat pula menggambarkan pemilihan pelajar bergantung kepada keadaan yang tertentu.

Cheng (1995) membandingkan motif mengikuti pengajian siswazah dan gaya pemilihan di kalangan pelajar *Nanhua University* dan pelajar dari Yun Lin, Jia Yi, Nan Tou, Taiwan. Hasil kajian beliau menunjukkan latar belakang pelajar mempengaruhi gaya pemilihan dan motif mengikuti pengajian siswazah. Selain itu, motif dan gaya pemilihan juga berbeza antara siswazah dari kedua-dua kawasan tersebut. Motif mengikuti pengajian siswazah terdiri daripada keperluan pekerjaan, pembangunan diri, menjalin hubungan sosial dan menambahkan pengetahuan. Gaya pemilihan pula berorientasikan kualiti dan kemudahan pengajaran, proses permohonan, imej IPT dan Ijazah.

Simmons (1997) telah mengadaptasikan model Sheth et al. (1991) untuk mengkaji pemilihan kolej oleh pelajar. Selain itu, beliau juga menumpu kepada tahap pemilihan iaitu tahap terakhir dalam proses pemilihan kolej yang dibangunkan oleh Hossler dan Gallagher (1987). Simmons menjalankan kajian yang mengukur lima nilai penggunaan dan pengaruhnya ke atas keputusan pelajar sama ada memilih untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Marquette.

Kajian Simmons (1997) menunjukkan wujud bukti yang lemah untuk menyokong hipotesis beliau bahawa gaya pemilihan merupakan satu fungsi kepada pelbagai nilai penggunaan dan tidak terdapat bukti yang cukup untuk menyokong kewujudan nilai-nilai model Sheth et al. (1991). Di samping itu, nilai emosi dan nilai pengetahuan lebih penting daripada yang dijangkakan. Hasil kajian Stafford (1994) turut menyokong kepentingan nilai pengetahuan. Dengan menggunakan pelbagai analisis diskriminasi berbilang, model Sheth berkesan dalam meramal keputusan pemilihan pelajar dengan ketepatan ramalan sebanyak 81 peratus.

Hemsley-Brown (1999) menjalankan kajian ke atas sampel pelajar berusia 16 tahun di lima buah sekolah di selatan England dan mendapati bahawa pemilihan kolej adalah gelagat pengguna yang kompleks dalam kedua-dua konteks sosial dan kebudayaan. Misalnya, kebanyakan pelajar daripada kelas menengah memilih kolej untuk pendidikan akademik tetapi pelajar daripada kelas berkerja memilih untuk memasuki kolej vokasional atau terus berkerja.

Mazzarol dan Soutar (2002) mengatakan bahawa wujud faktor tolakan dan tarikan yang mempengaruhi pelajar antarabangsa dalam memilih destinasi pengajian. Kualiti pengajian asing lebih baik, peluang kemasukan pengajian tempatan, minat terhadap “barat” dan niat untuk bermigrasi merupakan faktor utama yang memotivasikan pelajar untuk melanjutkan pelajaran di negara asing. Selain itu faktor pengaruh dalam memilih negara termasuklah pengaruh ibu bapa, reputasi sesebuah negara, rangkaian alumni yang kukuh, jarak geografi, kos pengajian dan persekitaran sesebuah negara. Faktor tarikan adalah reputasi kualiti, jalinan kerjasama dengan universiti negara asing, kakitangan yang berkaliber, enrolmen pelajar dan kesanggupan untuk mengiktiraf kejayaan seseorang pelajar. Faktor yang utama bagi pelajar China yang memilih Australia sebagai destinasi pengajian adalah peluang migrasi, mutu pendidikan, yuran relatif rendah dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Hasil kajian Shen (2004) mendapati faktor-faktor utama yang mempengaruhi keputusan pemilihan institusi adalah berkaitan dengan dimensi nilai fungsi. Ini merangkumi persekitaran kampus yang kondusif untuk pembelajaran, keupayaan institusi menghasilkan graduan yang berkualiti, mempunyai reputasi akademik yang tinggi dan sebagainya.

Ling et al. (2006) telah membuat kajian untuk meninjau kesan *teaching word-of-mouth* ke atas gaya pemilihan kursus. Mereka mendapati persepsi atau pandangan pelajar senior memberi pengaruh yang

utama kepada pemilihan sesuatu kursus. Selain itu, hubungan pelajar dengan pemberi maklumat dan latar belakangnya mempengaruhi darjah keyakinan terhadap maklumat yang diberikan.

Bashir (2007), mendapati tiga faktor umum yang mempengaruhi pelajar menyambung pelajaran di luar negara. Pertama, peluang pendidikan tinggi domestik yang terhad mengakibatkan permintaan berlebihan secara keseluruhannya. Kedua, pendidikan domestik yang bermutu rendah khususnya dalam bidang mempunyai permintaan yang tinggi seperti sains, teknologi, pengurusan dan pengajian perniagaan. Ketiga, kadar pulangan yang tinggi daripada kelayakan antarabangsa yang diperolehi melalui pendapatan dan kemungkinan migrasi.

O'Brien et al. (2007) juga mendapat keputusan yang serupa, di kalangan pelajar siswazah negara India apabila memilih universiti peringkat antarabangsa adalah termasuk kursus yang ditawarkan oleh universiti berkenaan dan reputasinya, biasiswa yang ditawarkan, kualiti kakitangan universiti dan prospek pekerjaan selepas tamat pengajian.

Chen (2007) mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan enrolmen pelajar Asia Timur di institusi pengajian siswazah Kanada adalah kemahiran peribadi untuk memperolehi ijazah lanjutan dan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa asing, keselamatan Kanada, kesesuaian menuntut ilmu, kualiti universiti dan bantuan kewangan yang sedia ada.

Berdasarkan pakar Pusat Sumber Manusia Luar Negara Fujian (2008) dan *Global Educational Development SDN. BHD* (2008), pensijilan sistem pengajian tinggi di Malaysia telah mendapat pengakuan yang tinggi di seluruh dunia merupakan salah satu kelebihan Malaysia dalam tarikan kedatangan pelajar China. Oleh itu, ia memudahkan mereka untuk menyambungkan pelajaran ke universiti di Eropah. Bantuan biasiswa juga disediakan oleh sesetengah IPTS untuk mereka yang kurang berupaya dari segi ekonomi supaya dapat melanjutkan pelajaran selepas tamat pengajian di Malaysia.

Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajaran di IPT memberi peluang untuk meningkatkan taraf bahasa Inggeris pelajar terutamanya bagi pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke negara yang menggunakan bahasa Inggeris.

IPTS Malaysia menyediakan saluran untuk memasuki universiti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan Kanada melalui penawaran program pengajian "2+1", "1+2" dan "2+2". Selain itu, sesetengah IPTS juga menyediakan program pengajian "3+0" dan "4+0" bagi membolehkan pelajar menghabiskan pelajaran mereka di Malaysia dan memperolehi ijazah yang ditawarkan oleh universiti luar negara. Tambahan lagi, semakin banyak universiti luar negara mendirikan kampus cawangan di Malaysia dengan sokongan kerajaan dan persetujuan antarabangsa.

Kadar yuran yang lebih rendah dan tempot pengajian yang lebih singkat juga merupakan satu kelebihan Malaysia dalam menarik kedatangan pelajar antarabangsa. Yuran yang perlu ditanggung untuk belajar di IPT Malaysia hanya satu per tiga daripada yuran yang diperlukan untuk memasuki universiti negara yang maju. Selain yuran kepelbagaian, pelajar antarabangsa hanya perlu menanggung yuran pengajian yang sama dengan pelajar tempatan, khususnya di IPTS. Dengan tiadanya pertukaran musim, tempoh cuti semester yang lebih pendek membolehkan pelajar dapat menghabiskan pengajiannya dengan lebih cepat.

Prosedur permohonan untuk kemasukan universiti yang mudah juga merupakan satu faktor tarikan penting. Ini adalah kerana temuramah dan penjamin tidak diperlukan semasa permohonan masuk. Dokumen individu yang lengkap membolehkan pelajar melaporkan diri ke IPT yang berkenaan dalam masa dua hingga tiga bulan. Tambahan pula, permohonan Visa tanpa duit jaminan dengan kadar kejayaan menghampiri 100 peratus juga menjadi tarikan kepada pelajar.

Sistem pengangkutan yang lengkap dan moden dengan tambang kapal terbang yang berpatutan membolehkan ibu bapa melawat anak mereka dengan lebih kerap. Selain itu, keadaan politik negara yang relatifnya lebih stabil dan penyusunan sosial yang aman memberi jaminan keselamatan kepada pelajar. Ketiadaan pertukaran cuaca dan bencana alam menyediakan satu persekitaran pembelajaran yang kondusif. Masyarakat majmuk juga merupakan satu ciri unik yang menjadi daya tarikan pelajar. Selain belajar di Malaysia, mereka juga dapat bergaul dengan masyarakat tempatan dan memahami kebudayaan setiap etnik. Kerajaan juga membenarkan pelajar antarabangsa bekerja pada masa lapang (tertakluk kepada syarat-syarat tertentu) untuk menimba pengalaman.

Mpinganjira (2009) mengatakan bahawa pelajar menamatkan pelajaran di Afrika Selatan adalah disebabkan untuk memperolehi kelayakan yang diiktiraf seluruh dunia, memperluas pengalaman baru dan persendirian, mutu pendidikan yang tinggi, peningkatan prospek pekerjaan pada masa depan dan ketiadaan penawaran kursus di negara asal, terutamanya syarat kemasukan yang kompetitif di negara asal dan ketidakupayaan untuk memasuki kursus yang diinginkan.

Dimmock dan Ong (2010) mengenalpasti sebab pelajar dari China gemar melanjutkan pelajaran di Singapura. Faktor tolakan adalah penghadan ke atas kemasukan IPT tempatan, teknik pengajian dan pembelajaran serta budaya sosial di China. Faktor tarikan adalah pertimbangan terhadap kos, kualiti dan budaya di Singapura. Keanjaran individu adalah proses menyesuaikan diri dengan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berbeza, cara hidup yang berbeza serta budaya Singapura. Klasifikasi yang terakhir adalah untuk masa depan merangkumi niat untuk menetap di Singapura, menghala ke negara lain melalui Singapura dan kembali ke China.

ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA DI IPT

Berdasarkan laporan KPTM, pada tahun 2003, bilangan pelajar antarabangsa di Malaysia adalah sebanyak 30,397 orang dan bertambah secara berterusan kepada 80,750 pada tahun 2009 dengan kadar pertumbuhan purata 17.7 peratus setahun dalam tempoh 2003-2009. Sebelum tahun 2006, peratusan pelajar antarabangsa dari China mengatasi negara-negara lain tetapi didahului oleh pelajar Indonesia dan Iran selepas itu.

Selain itu, kadar pertumbuhan purata tahunan bilangan pelajar Iran (161.74 peratus) dalam tempoh 2003-2009 adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan purata tahunan bilangan pelajar Indonesia (9.69 peratus). Jika dibandingkan dengan Indonesia dan Iran kemasukan pelajar China mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak – 1.98 peratus dalam tempoh yang sama iaitu berkurangan secara berturut-turut daripada 10,349 (tahun 2003) kepada 9,177 (tahun 2009). Ini adalah disebabkan bilangan pelajar China yang menuntut di IPTS berkurang secara drastik daripada 10,230 orang pada tahun 2003 kepada 7078 orang pada tahun 2009. Pelajar antarabangsa merupakan jumlah yang signifikan daripada jumlah enrolmen pelajar di institusi seperti Universiti Multimedia (MMU), Kolej Universiti INTI, Kolej Universiti Sunway dan Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing. Institusi tersebut telah berjaya mempromosikan dan memasarkan nama masing-masing sebagai jenama yang terkenal di peringkat antarabangsa. Bagi mempromosikan pendidikan transnasional di negara ini, beberapa IPTS telah menubuhkan cawangan masing-masing di luar negara seperti di China, Asia Barat dan Afrika.

Sejak tahun 1980-an, IPTS telah menawarkan kursus pengajian peringkat sijil dan diploma secara berkembar dengan kerjasama universiti dan badan-badan profesional dari luar negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand dan Perancis. Penganugerahan diploma, ijazah dan pasca ijazah dibuat melalui proses pengesahan, moderasi atau akreditasi yang diiktiraf oleh universiti berkenaan. Proses sedemikian membolehkan pelajar meneruskan pengajian di negara tersebut melalui program perpindahan kredit. Selain itu, kerajaan telah menyediakan biasiswa di bawah MTCP bagi menarik pelajar antarabangsa dan memperkenalkan pendidikan tinggi Malaysia di peringkat antarabangsa. Di bawah MTCP, kerajaan menyediakan sebanyak 40 biasiswa kepada pelajar dari 136 buah negara sedang membangun di dunia bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian di peringkat pasca ijazah. Bermula tahun 2006, kerajaan telah meluluskan cadangan KPTM untuk melaksanakan Biasiswa Antarabangsa Malaysia (*Malaysian International Scholarship*). Sebanyak 15 biasiswa telah disediakan untuk pelajar cemerlang antarabangsa bagi mengikuti pengajian di Malaysia. Sebanyak 100 biasiswa baru turut ditawarkan oleh KPTM kepada pelajar cemerlang antarabangsa dari semua negara termasuk negara maju.

Bagi IPT tempatan yang mempunyai ramai pelajar antarabangsa, penubuhan alumni penting untuk merapatkan jaringan di kalangan graduan bagi sesebuah institusi. Institusi yang bercorak antarabangsa seperti UIAM, berjaya melahirkan graduan yang memegang jawatan penting dalam pentadbiran negara masing-masing setelah mereka menamatkan pengajian di Malaysia. Secara tidak langsung IPT berperanan sebagai duta kecil negara dalam mempromosikan pengajian tinggi, terutamanya jika pengalaman pembelajaran mereka amat menarik dan signifikan dalam kerjaya. Memandangkan negara akan mendapat manfaat besar dalam jangka panjang, adalah wajar bagi alumni universiti terus dimantapkan dengan aktiviti yang dapat merapatkan jaringan sesama ahli alumni seperti program *homecoming*.

MOTIF PELAJAR MELANJUTKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT TERTIARI

Kerjaya: Motif pelajar melanjutkan pengajian adalah untuk mendapat peluang kenaikan pangkat yang lebih tinggi. Selain itu, mereka ingin menceburi bidang profesional dan memperolehi peluang pekerjaan di organisasi antarabangsa yang menawarkan gaji yang lumayan. Ekoran daripada perubahan struktur dalam pasaran kerja, pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dapat meningkatkan darjah

kompetitif mereka (Bashir 2007, Webb 1996, Cheng 1995, Coccari dan Javalgi 1995, Martin dan Dixon 1991, O'Brien et al. 2007, Mpinganjira 2009, Dimmock dan Ong 2010).

Pembangunan diri: Motif pelajar melanjutkan pengajian adalah untuk mencabar kemampuan diri dan belajar berdikari serta menguji ketahanan diri. Melalui pengalaman belajar khususnya di luar negara, seseorang individu dapat memperkayakan gaya kehidupan. Ia amat berguna untuk pembangunan diri yang selanjutnya (Webb 1996, Cheng 1995, Coccari dan Javalgi 1995, Martin dan Dixon 1991, Mazzarol dan soutar 2002, Mpinganjira 2009).

Hubungan sosial: Motif pelajar melanjutkan pengajian adalah untuk meluaskan jaringan sosial melalui penglibatan dalam persatuan dan perbincangan dalam kumpulan serta pergaulan dengan masyarakat setempat bagi mereka yang menuntut di luar negara (Webb 1996, Cheng 1995, Coccari dan Javalgi 1995, Martin dan Dixon 1991, Mazzarol dan soutar 2002.)

Pengetahuan: Motif pelajar melanjutkan pengajian secara umumnya adalah untuk membuka minda dan menambahkan pengetahuan. Selain itu, bagi pelajar yang memilih untuk menuntut di luar negara, motif mereka adalah untuk menerima pengajian yang berkualiti, mempelajari pengetahuan dan teknologi baru dari negara maju supaya dapat menyumbang kepada pembangunan negara mereka (Sheth et al. 1991, Simmons 1997, Webb 1996, Cheng 1995, Coccari dan Javalgi 1995, Martin dan Dixon 1991, Mazzarol dan soutar 2002, Chen 2007, Dimmock dan Ong 2010).

Menyambung pengajian dan migrasi: Motif pelajar melanjutkan pengajian adalah sebagai persediaan awal untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di negara lain serta untuk tujuan migrasi dan mendapat peluang latihan industri (Bashir 2007, Mazzarol dan soutar 2002.).

Pihak berkepentingan: Motif pelajar melanjutkan pengajian adalah untuk memenuhi hasrat ibu bapa, mengikut tren masyarakat dan rakan sebaya serta menyokong dasar kerajaan. (Lam 2008, Mazzarol dan soutar 2002, O'Brien et al. 2007).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang dijalankan untuk memperoleh maklumat-maklumat penting untuk dijadikan input kepada penganalisisan data. Oleh itu, kaedah pensampelan yang betul boleh mengelakkan ketidaksaksamaan dalam penganggaran serta mencapai satu kejitian yang maksimum. Pensampelan merupakan satu proses untuk mendapatkan responden kajian dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Dalam kajian ini, kaedah pensampelan rawak mudah telah digunakan untuk memilih suatu sampel 300 orang pelajar China yang menuntut di kedua-dua IPTA dan IPTS. Ia dipilih atas andaian bahawa ciri populasi dalam kajian ini adalah homogen iaitu ciri utama bagi unsur dalam populasi tidak berbeza secara bererti di kalangan mereka.

Satu set borang soal selidik yang bertajuk "Analisis persepsi tentang Malaysia sebagai destinasi pengajian di kalangan pelajar" telah disediakan untuk tujuan pengumpulan data. Skala Likert empat poin iaitu "sangat bersetuju", "setuju", "tidak setuju" dan "sangat tidak bersetuju" telah digunakan untuk mengukur persepsi responden terhadap pernyataan dalam bahagian kedua dan ketiga soal selidik. Teknik mengumpul data yang digunakan dalam kajian ini ialah temubual bersemuka yang dibuat secara tidak formal. Pengkaji telah menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 12.0 untuk mengedit, mengkod, meringkaskan dan menganalisis data. Kaedah konsistensi dalaman (*Internal Consistency Approach*) dilakukan dengan mencari nilai korelasi antara skor setiap item dalam ujian dengan jumlah skor bagi semua item dalam ujian (skor indeks ujian).

Analisis diskriptif telah dijalankan untuk melihat taburan peratusan responden dari segi latar belakang mereka seperti jantina, umur, jenis IPT yang dituntut, kawasan tempat tinggal asal, taraf, dan tahun program pengajian, taraf pendidikan ibu bapa, purata kos hidup sebulan dan purata pendapatan bulanan keluarga. Ujian Khi-kuasadua telah digunakan untuk mengkaji kewujudan hubungan antara setiap item bagi gaya pemilihan dan motif dengan jenis IPT. Ujian-t ini telah digunakan untuk membandingkan perbezaan min skor bagi motif melanjutkan pengajian ke Malaysia dan gaya pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian antara jantina responden dan jenis IPT yang mereka menuntut. Hipotesis nol yang menyatakan tiada perbezaan min akan ditolak jika nilai-p statistik ujian kurang daripada suatu aras keertian yang terpilih. Analisis Varians sehala telah digunakan untuk membandingkan perbezaan min skor bagi motif melanjutkan pengajian ke Malaysia sebagai destinasi pengajian antara kawasan tempat tinggal asal, program pengajian responden dan tahun pengajian. Hipotesis nol yang menyatakan tiada perbezaan min akan ditolak jika nilai-p statistik ujian kurang daripada suatu aras keertian yang terpilih.

Analisis faktor digunakan untuk mengklasifikasikan 25 item bagi motif yang dikemukakan dengan menggunakan skala Likert empat point, iaitu: sangat setuju, setuju, tidak setuju, sangat tidak setuju kepada faktor-faktor yang tertentu. *Principal component* dipilih sebagai kaedah pengekstrakan varian dan hanya item yang melaporkan nilai *communalities* melebihi 0.3 sahaja yang digunakan dalam analisis selanjutnya. Penentuan bilangan faktor pula berdasarkan *eigenvalues* yang melebihi 1. *Varimax rotation* digunakan untuk menjana *factor loadings* yang baru daripada *component matrix* supaya nilai korelasi separa antara setiap item dengan sesuatu faktor adalah seberapa besar yang mungkin dan seberapa kecil yang mungkin dengan faktor-faktor lain. Kesesuaian penggunaan analisis faktor diuji dengan ukuran kecukupan pensampelan (*Measure of Sampling Adequacy*) *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) dan *Sphericity Bartlett' Test*. Secara umumnya, *factor score* yang dihasilkan daripada analisis terdiri daripada kombinasi linear berpemberat setiap item asal (X_j) iaitu,

$$F_i = \sum_{j=1}^p w_{ij} X_j, \quad i = 1, 2, \dots, k$$

F_i adalah *factor score* bagi faktor ke-i.

w_{ij} adalah *factor loadings* yang ditunjukkan dalam *rotated component matrix*.

k adalah bilangan faktor yang dikenal pasti.

ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN

Pada peringkat awal, ujian kesahan telah dijalankan untuk mengkaji kesahan dalaman (*Internal reliability*) bagi 30 item bagi motif yang mendorong pelajar negara China menyambung pengajian di Malaysia dan 30 item bagi gaya pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian yang digunakan dalam kajian perintis. Soal selidik yang diubahsuai hanya mempunyai 25 item bagi motif dan 26 item bagi gaya pemilihan dengan pekali *Cronbach Alpha* masing-masing adalah 0.893 dan 0.838. Ini menunjukkan bahawa item-item tersebut mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam analisis selanjutnya.

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Sampel kajian ini terdiri daripada 300 orang pelajar dari negara China. Pecahan mengikut jantina menunjukkan 43.67 peratus pelajar adalah lelaki dan 56.33 peratus pelajar adalah perempuan. Julat umur adalah antara 17 hingga 38 tahun dengan purata 20.85 tahun. Pelajar dipilih secara rawak daripada 13 buah IPT (lima buah IPTA, lapan buah IPTS), iaitu UKM, UM, UUM, UTM, UPM, *Kuala Lumpur Infrastructure University College* (KLIUC), *INTI International University College* (INTI), *NILAI International University College* (NUC), *Multimedia University* (MMU), *HELP University College* (HELP), *University College Sedaya International* (UCSI), *Putra International College* dan *Stamford College*. Nisbah pelajar IPTA kepada IPTS lebih kurang 2:1. Pelajar China yang terlibat dalam kajian ini berasal dari 29 wilayah dan dibahagi kepada enam kawasan. Majoriti pelajar yang disampel tinggal di kawasan Xibei.

Program pengajian bagi pelajar China dibahagi kepada lima bidang iaitu pengurusan dan perniagaan, kewangan, perakaunan dan pemasaran, perniagaan antarabangsa dan ekonomi, pendidikan, bahasa, linguistik dan kesusasteraan dan lain-lain. Berdasarkan hasil kajian, kebanyakannya tertumpu dalam bidang ekonomi dan perniagaan antarabangsa. Selain itu, taraf pengajian bagi pelajar China adalah pada peringkat diploma (1.33 peratus), ijazah sarjana muda (94.67 peratus), ijazah sarjana dan Ph.D (4.00 peratus) di mana majoritinya berada dalam tahun pengajian pertama. Kebanyakan ibu bapa pelajar China mempunyai taraf pendidikan tinggi (bapa: 68.67 peratus dan ibu: 60.33 peratus). Purata kos hidup sebulan bagi pelajar China yang disampel berada dalam julat RM 200 hingga RM 3,500 dengan purata RM 1,097.67 sebulan. Purata pendapatan bulanan keluarga yang dilaporkan oleh 38.00 peratus daripada pelajar yang disampel adalah RMB 7,000 ke bawah, 37.33 peratus dan 24.67 peratus masing-masing antara RMB 7,000 hingga RMB 11,000 dan melebihi RMB 11,000 setiap bulan.

ANALISIS FAKTOR KE ATAS MOTIF PELAJAR

Nilai *communalities* bagi setiap item yang melebihi 0.3 dan ukuran kecukupan pensampelan KMO yang melebihi 0.8 menyokong penggunaan analisis faktor kerana kadaran varians yang diekstrak dalam setiap item dipengaruhi kuat oleh faktor-faktor yang sedia ada. Selain itu, nilai-p yang kecil bagi statistik ujian khi-kuasadua dalam *Sphericity Bartlett's Test* mengukuhkan lagi kesimpulan di atas kerana hubungan yang signifikan sememangnya wujud antara setiap item dengan faktor. Jadual 2 memperlihatkan lima faktor dengan *eigenvalues* yang melebihi 1 berjaya dihasilkan oleh analisis faktor. Kelima-lima faktor ini secara bersama menerangkan 57.7 peratus daripada jumlah variasi dalam semua aspek faktor. Setelah meneliti item-item yang terkandung di dalam setiap faktor, lima motif utama yang mendorong pelajar China menyambung pengajian di Malaysia ialah pembangunan diri (M1), pengetahuan (M2), peluang kerjaya (M3), pihak berkepentingan (M4) dan hubungan sosial (M5). Dapatan kajian di atas adalah sejajar dengan kajian lepas yang telah dibincangkan sebelum ini. Kadaran variasi yang diterangkan oleh setiap faktor masing-masing adalah 15.04 peratus, 13.91 peratus, 13.18 peratus, 8.27 peratus dan 7.31 peratus. Justeru, boleh disimpulkan bahawa kepentingan relatif setiap faktor tersebut memperlihatkan perbezaan.

Factors loading yang terjana daripada *Varimax rotation* juga memberikan beberapa implikasi yang bermakna. Tujuan utama pelajar China melanjutkan pengajian ke Malaysia adalah untuk mengayak pengalaman hidup, menimba pengalaman baru untuk pembaharuan serta menghayati suasana kehidupan baru kampus. Keinginan melanjutkan pengajian ke Malaysia turut dirangsang oleh daya tarikan kursus. Di samping itu, peluang mendapat pekerjaan bergaji tinggi, peluang kenaikan pangkat dengan mudah, peluang menceburi bidang profesional dan peningkatan tahap kebolehpasaran juga adalah antara motif pelajar China memilih Malaysia sebagai tempat melanjutkan pengajian. Selain itu, motif pelajar China memilih Malaysia untuk melanjutkan pengajian turut dipengaruhi oleh kawan dan tren masyarakat.

PERBANDINGAN MOTIF MENGIKUT LATAR BELAKANG PELAJAR

Dengan merujuk kepada nilai-p yang dihasilkan daripada ujian-t dan ujian F ke atas perbezaan min skor, pengkaji dapat memastikan sama ada persepsi terhadap motif dan gaya pemilihan berbeza mengikut latar belakang pelajar. Jadual 3 menunjukkan bahawa min skor bagi motif pembangunan diri (M1) dan pengetahuan (M2) antara pelajar lelaki dan perempuan berbeza secara signifikan. Statistik ujian-t yang bernilai negatif menunjukkan purata skor kebersetujuan yang dilaporkan oleh pelajar perempuan lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki terhadap motif-motif tersebut. Memandangkan kedudukan wanita di masyarakat China masih rendah maka golongan wanita lebih menghargai peluang melanjutkan pengajian ke luar negara untuk tujuan pembangunan diri dan mendapat pengetahuan. Selain itu, min skor bagi motif peluang kerjaya (M3) berbeza secara signifikan antara pelajar China yang menuntut di IPTA dan IPTS serta tahun pengajian yang berlainan. Ini mungkin disebabkan kursus atau program pengajian yang ditawarkan kepada pelajar China adalah berbeza di IPTA dan IPTS. Oleh itu, persepsi mereka terhadap peluang kerjaya masa depan adalah berlainan.

ANALISIS TAHAP PERSETUJUAN TENTANG MOTIF YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PENGAJIAN

Keputusan kajian menunjukkan bahawa belajar berdikari adalah motif utama yang mendorong pelajar melanjutkan pengajian ke Malaysia. Ia diikuti oleh motif untuk membuka minda dan menambah pengetahuan serta mempelajari bahasa Inggeris. Keputusan ini, sejajar dengan hasil kajian Cheng (1995) iaitu seorang pelajar melanjutkan pelajaran adalah untuk pembangunan diri dan keperluan ilmu pengetahuan. Sebaliknya, pengaruh kawan dan terikut-ikut dengan tren masyarakat merupakan dua motif yang relatifnya kurang penting berbanding dengan motif yang lain. Keputusan ini menunjukkan pelajar China adalah rasional semasa membuat keputusan melanjutkan pengajian.

Jadual 4 menunjukkan taburan kebersetujuan terhadap motif belajar berdikari, menerima kualiti pendidikan yang tinggi, menceburi bidang profesional dengan mudah, mengikut kawan, memenuhi hasrat ibu bapa dan bergaul dengan pelajar tempatan berbeza secara signifikan antara pelajar China yang menuntut di IPTA dan IPTS. Peratusan pelajar IPTA yang bersetuju terhadap motif belajar berdikari, menerima kualiti pendidikan yang tinggi dan bergaul dengan pelajar tempatan lebih tinggi berbanding pelajar IPTS. Secara relatifnya, pelajar IPTS lebih bersetuju terhadap motif menceburi bidang profesional

dengan mudah, mengikut kawan dan memenuhi hasrat ibu bapa. Mempelajari bahasa Inggeris adalah motif paling utama bagi pelajar China yang menuntut di IPTS Malaysia. Ini adalah kerana pada pandangan umum, IPTS Malaysia lebih mengutamakan bahasa Inggeris. Di samping itu, 81.3 peratus daripada pelajar China di IPTS bersetuju bahawa dengan melanjutkan pengajian ke Malaysia, ia dapat memperbanyak peluang menyambung pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, sekitar 80 peratus daripada pelajar China bersetuju bahawa yuran pengajian yang rendah, pengajaran dalam bahasa Inggeris dan pemohonan VISA tanpa deposit adalah faktor-faktor yang mempengaruhi mereka memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Bashir (2007) iaitu unsur kewangan merupakan satu faktor yang biasa akan dipertimbangkan semasa membuat pemilihan. Selain itu, disebabkan medium pengajaran kebanyakan IPT di China adalah dalam bahasa Cina, maka pengajaran dalam bahasa Inggeris merupakan satu faktor tarikan penting bagi pelajar China untuk melanjutkan pengajian ke Malaysia. Sebaliknya, faktor seperti kemajuan ekonomi Malaysia kurang diutamakan oleh pelajar China kerana pembangunan ekonomi China adalah lebih terkehadapan berbanding Malaysia.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini, menganalisis sama ada persepsi terhadap motif melanjutkan pengajian ke Malaysia dan pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian berbeza mengikut latar belakang pelajar dan juga melihat hubungan antara persepsi pelajar terhadap pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian dan motif melanjutkan pengajian ke Malaysia dengan jenis IPT yang mereka menuntut. Berdasarkan keputusan kajian ini, lima motif utama yang mendorong pelajar China menyambung pengajian ke Malaysia ialah pembangunan diri, pengetahuan, peluang kerjaya, pihak berkepentingan dan hubungan sosial. Persepsi terhadap motif melanjutkan pengajian ke Malaysia adalah untuk pembangunan diri dan pengetahuan didapati berbeza antara gender. Di samping itu, pelajar China yang menuntut di IPTA dan IPTS serta berlainan tahun pengajian mempunyai persepsi yang berbeza terhadap motif peluang kerjaya. Jika diteliti item dalam setiap dimensi motif, lebih daripada 80 peratus pelajar yang menuntut di IPTA dan IPTS bersetuju bahawa motif mereka melanjutkan pengajian ke Malaysia adalah untuk belajar berdikari, membuka minda dan menambah pengetahuan serta mempelajari bahasa Inggeris. Motif lain bagi pelajar China yang menuntut di IPTA termasuk menghayati suasana kehidupan baru kampus dan menerima kualiti pendidikan yang tinggi. Sebaliknya, pelajar China yang menuntut di IPTS lebih mengutamakan motif memperbanyak peluang menyambung pelajaran selepas tamat pengajian di Malaysia.

Berdasarkan rumusan kajian di atas, dapat diperhatikan bahawa pembangunan diri dan akademik merupakan dua dimensi utama yang mempengaruhi keputusan pelajar China untuk belajar di Malaysia. Oleh itu, beberapa implikasi polisi dan dasar berikut telah dicadangkan. Kursus yang ditawarkan kepada pelajar luar negara seharusnya disebatkan dengan aspek pengaplikasian melalui kajian-kajian kes dan empirik. Oleh itu, adalah dicadangkan agar IPT dapat merangka program akademik dan membangunkan kurikulum berdasarkan dimensi antarabangsa serta keperluan pasaran global bagi memastikan graduan berupaya bersaing dalam pasaran kerja. Di samping itu, pelajar antarabangsa juga perlu diberikan pendedahan awal kepada persekitaran tempat kerja dengan mewajibkan program *internship*. Lantaran itu, nilai sendiri dan pelan kerjaya dapat dibangunkan sebelum mereka tamat pengajian. Langkah ini boleh memberi nilai ditambah kepada pelajar antarabangsa. Pensijilan sistem pengajian tinggi Malaysia telah mendapat pengakuan yang tinggi di seluruh dunia. Memandangkan sistem tersebut dapat menyediakan saluran untuk menyambung pelajaran ke universiti-universiti khasnya di Eropah, Amerika Syarikat dan Australia, kolaborasi menang-menang (*win-win*) antara IPT tempatan dan IPT luar negara perlu dijalankan dengan lebih kerap bagi meningkatkan status Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

Sumber kewangan merupakan salah satu faktor penentu dalam perkembangan sesebuah IPT. Keadaan semasa Malaysia menunjukkan IPTA secara relatifnya mendapat sokongan yang lebih banyak berbanding IPTS. Oleh itu, IPTS yang bertaraf bukan universiti perlu digabung dan distruktur semula bagi meningkatkan daya saing dari segi pentadbiran serta penajaan dan pengagihan sumber dengan lebih cekap. Usaha ini bukan sahaja dapat menaikkan prestij IPTS, malah dapat menjamin kualiti pengajian dan taraf akademik supaya tidak terjejas ekoran daripada kekangan kewangan. Dengan adanya dana operasi yang mencukupi, persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif dapat diwujudkan. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti sama ada dalam bentuk salinan kasar atau atas talian dapat

disediakan melalui penambahbaikan infrastruktur institusi pengajian. Selain itu, tenaga pengajar berpengalaman dari luar negara boleh diambil bagi mempertingkatkan kecemerlangan akademik di samping menyahut usaha pengantarabangsaan dari segi sumber manusia.

Polisi kerajaan yang membenarkan IPTA untuk mengambil tenaga pengajar dari luar negara sebanyak 5 peratus daripada tenaga pengajar yang sedia ada perlu dipantau dan dikaji semula dengan secepat mungkin. Dasar ini bukan sahaja memperlahankan usaha pengantarabangsaan, malah kewibawaan IPTA di peringkat antarabangsa juga terjejas dari segi *ranking* dunia. Kerajaan boleh menyediakan bantuan kewangan atau pinjaman bagi membantu pelajar China yang melanjutkan pengajian di IPTA dan IPTS Malaysia terutamanya dalam bidang kritikal supaya yuran pengajian yang dikenakan kekal kompetitif berbanding dengan negara-negara lain. Tambahan pula, penambahan bilangan biasiswa juga dapat menarik minat pelajar antarabangsa yang cemerlang untuk mengikuti pengajian di Malaysia.


Pengantarabangsaan pengajian tinggi adalah salah satu aspek yang perlu diberi penekanan dalam memartabatkan IPT di Malaysia ke arah bertaraf dunia. Bagi meningkatkan daya saing dan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa, usaha gigih perlu dilaksanakan agar negara kita setanding dengan negara yang terkehadapan dalam aspek pengantarabangsaan pengajian tinggi. Dalam era globalisasi, negara bersaing untuk mendapatkan pelajar dan tenaga pengajar antarabangsa yang berkualiti. Oleh itu, kita perlu kompetitif dan mempelbagaikan usaha untuk mengantarabangsakan IPT termasuk mewujudkan jalinan kolaborasi dengan universiti terkemuka dunia, menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor perkhidmatan pendidikan dan penyelidikan di IPT serta mempergiat aktiviti promosi pendidikan di luar negara. Di samping itu, khidmat sokongan dan logistik perlu dipertingkatkan supaya pelajar antarabangsa selesa berada di Malaysia. Penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta kurikulum yang berkualiti dan mendapat pengiktirafan antarabangsa juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam usaha mengantarabangsakan pengajian tinggi Malaysia.

RUJUKAN

- Bashir, S. 2007. Trends in international trade in higher education implications and options for developing countries. Education Working Paper Series, The World Bank.
- Chen, L. H. 2007. East-Asian students' Choice of Canadian graduate schools. *International Journal of Educational Advancement* 7(4): 271-306
- Cheng, Y.R. 1995. The supply side research E-MBA motivation and choice behavior: a study of Nanhua University. Tesis MBA. Nanhua University.
- Coccarri, R.L. & Javalgi, R.G. 1995. Analysis of students' needs in selecting a college or university in a changing environment. *Journal of Marketing for Higher Education* 6(2): 27-39.
- Dimmock, C & Ong, S. L. 2009. Studying overseas: mainland Chinese students in Singapore. Compare: A *Journal of Comparative and International Education* 40(1): 25-42
- Hemsley-Brown, J. 1999. College choice perceptions and priorities. *Educational Management & Administration* 27(1): 85-98.
- Global Educational Development SDN. BHD. 2008. (atas talian) <http://www.studymalaysia.com>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2007. *Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010*.
- Lam Eileen. 2008. Tinjauan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar dalam pemilihan jenis institusi pengajian tinggi. Kertas Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Martin, N.K. & Dixon, P.N. 1991. Factors influencing students' college choice. *Journal of College Student Development* 32(3): 253-257.
- Mazzarol, T. & Soutar, G.N. 2002. Push-pull factors influencing international students destination choice. *The International Journal of Education Management* 16(2): 82-90
- Mpinganjira, M. 2009. Comparative analysis of factors influencing the decision to study abroad. *African Journal of Business Management* 3(8): 358-365
- Pusat Sumber Manusia Luar Negara Fujian. 2008. (atas talian) <http://www.lxmalaysia.com>
- Shen, C.C. 2004. Exploring the consumer behavior that influences student college choice. *Tamsui Oxford Journal of Economics and Business* 11: 53-72.
- Sheth, J.N., Newman, B.I. & Gross, B.L. 1991. *Consumption values and market choices*. Cincinnati: South-Western Publishing.
- Simmons, J.M. 1997. Marketing higher education: applying a consumption value model to college choice. Disertasi Ph.D. Marquette University.


- Stafford, T. F. 1994. Consumption values and the choice of marketing electives: treating students like customers. *Journal of Marketing Education*, **16**(2), 26-33.
- Statistik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (atas talian) <http://www.mohe.gov.my>.
- O'Brien, A., Webb, P., Page, S., & Proctor, T. 2007. A study into the factors influencing the choice-making process of Indian students when selecting an international university for graduate studies using Grounded Theory. Kertas kerja 7th International Conference on Diversity di Organisations, Communities & Nations, OZW-School of Health, Amsterdam, Netherlands. University of Delft, Holland. 36 Julai 2007.
- UNCTAD. 2007. *World Investment Report: Promoting Linkages*. New York: United Nations Conference on Trade and Development.
- Webb, M.S. 1996. Doctoral programs: what factors attract students? *Journal of Marketing for Higher Education* **7**(4): 73-85.
- Ling, Wang & Zhan. 2006. *Effect of teaching word-of-mouth on elective course selection intention*. (atas talian) ec2006.atissr.org/proceeding/Paper/ec1267.doc.

RAJAH 1 : Bilangan pelajar china di IPTA dan IPTS, 2003-2009



Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

RAJAH 2 : Model gaya pemilihan dan motif untuk melanjutkan pengajian di peringkat tertiar



JADUAL 1 : Bilangan pelajar antarabangsa di Malaysia mengikut negara-negara terpilih, 2003-2009

NEGARA- NEGARA	2003 JUM(%)	2004 JUM(%)	2005 JUM(%)	2006 JUM(%)	2007 JUM(%)	2008 JUM(%)	2009 JUM(%)
Iran, Islam Republic of	374(1)	703(2)	1,181(3)	1,784(4)	3,678(8)	6,604(10)	10,932(14)
Indonesia	5,634(19)	6,520(21)	6,866(17)	7,541(17)	8,454(18)	9,358(14)	9,812(12)
China, People's Republic of	10,349(34)	9,250(29)	9,317(23)	7,310(16)	6,468(13)	7,977(12)	9,177(11)
Lain-lain	14,040(46)	15,201(48)	23,161(57)	27,755(63)	29,328(61)	45,225(65)	50,829(63)
Jumlah	30,397	31,674	40,525	44,390	47,928	69,164	80,750

Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

JADUAL 2 : Matriks *Rotated Component* bagi motif melanjutkan pengajian ke Malaysia

Motif	Item-item	Faktor-faktor				
		F1	F2	F3	F4	F5
M1	mengayakan pengalaman hidup	0.79				
	menimba pengalaman baru untuk pembaharuan	0.74				
	menghayati suasana kehidupan baru kampus	0.74				
	belajar berdikari	0.59				
	membuka minda & menambah pengetahuan	0.59				
	mencabar dan menguji ketahanan diri	0.56				
M2	daya tarikan kursus		0.70			
	menerima kualiti pendidikan yang tinggi		0.69			
	mempelajari pengetahuan & teknologi kini		0.67			
	mempelajari bahasa Inggeris		0.64			
	mengecapi kejayaan mengaji di luar negara		0.62			
	menyumbang kepada pembangunan negara asal		0.48			
M3	dapat peluang pekerjaan bergaji tinggi			0.80		
	dapat peluang kenaikan pangkat dengan mudah			0.74		
	menceburi bidang profesional dengan mudah			0.74		
	meningkatkan tahap kebolehpasaran			0.72		
	dapat peluang kerja di organisasi antarabangsa			0.59		
	memperbanyak peluang sambung pelajaran			0.39		
M4	mengikut kawan				0.75	
	mengikut tren masyarakat				0.73	
	memenuhi hasrat ibu bapa				0.65	
	menyokong dasar kerajaan China				0.41	
M5	bergaul dengan pelajar tempatan					0.65
	membina rangkaian antarabangsa					0.53
	belajar bersama pelajar tempatan					0.33
% of Variance		15.04	13.91	13.18	8.27	7.31

Cumulative %	15.04	28.95	42.13	50.39	57.70
KMO.=0.867, Sphericity Bartlett's Test: $\chi^2= 3043.987$, Nilai-p= 0.000, Cronbach's Alpha = 0.893					

Sumber: Soal selidik.

JADUAL 3 : Keputusan ujian-t dan ujian-F ke atas perbezaan min skor bagi motif melanjutkan pengajian ke Malaysia

Motif	Latar belakang	df	Statistik ujian -t/F	Sig
M1	Jantina	1	-2.981	***0.003
	Kawasan tempat tinggal asal	5	0.593	0.705
	Program pengajian	4	1.079	0.367
	Jenis IPT yang dituntut	1	1.106	0.270
	Tahun pengajian	2	1.634	0.197
M2	Jantina	1	-2.034	**0.043
	Kawasan tempat tinggal asal	5	1.536	0.179
	Program pengajian	4	1.184	0.318
	Jenis IPT yang dituntut	1	0.293	0.770
	Tahun pengajian	2	0.373	0.689
M3	Jantina	1	-0.772	0.441
	Kawasan tempat tinggal asal	5	0.744	0.591
	Program pengajian	4	0.744	0.562
	Jenis IPT yang dituntut	1	-1.764	*0.079
	Tahun pengajian	2	2.652	*0.072
M4	Jantina	1	-0.605	0.546
	Kawasan tempat tinggal asal	5	1.171	0.324
	Program pengajian	4	0.907	0.460
	Jenis IPT yang dituntut	1	-1.530	0.127
	Tahun pengajian	2	0.148	0.862
M5	Jantina	1	-0.396	0.692
	Kawasan tempat tinggal asal	5	0.930	0.462
	Program pengajian	4	0.644	0.631
	Jenis IPT yang dituntut	1	0.281	0.779
	Tahun pengajian	2	1.321	0.268

*** Signifikan pada $\alpha= 0.01$

** Signifikan pada $\alpha= 0.05$

* Signifikan pada $\alpha= 0.10$

Sumber: Soal selidik.

JADUAL 4 : Taburan peratusan responden yang bersetuju dengan motif untuk melanjutkan pengajian ke Malaysia mengikut jenis IPT yang mereka menuntut

Motif	Item-item	Setuju (peratus)			Ujian χ^2 (Nilai-p)
		IPT	IPTA	IPTS	
M1	mengayakan pengalaman hidup	75.00	72.50	79.40	0.19
	menimba pengalaman baru untuk pembaharuan	72.30	70.50	75.70	0.33
	menghayati suasana kehidupan baru kampus	81.30	83.40	77.60	0.21
	belajar berdikari	87.70	90.20	83.20	0.08*
	membuka minda & menambah pengetahuan	86.00	86.00	86.00	0.99
	mencabar dan menguji ketahanan diri	77.30	78.80	74.80	0.43

M2	daya tarikan kursus	51.30	52.80	48.60	0.48
	menerima kualiti pendidikan yang tinggi	76.30	80.80	68.20	0.01**
	mempelajari pengetahuan & teknologi kini	54.30	56.50	50.50	0.32
	mempelajari bahasa Inggeris	83.70	82.40	86.00	0.42
	mengecapi kejayaan mengaji di luar negara	64.00	62.20	67.30	0.38
	menyumbang kepada pembangunan negara asal	77.00	76.70	77.60	0.86
M3	dapat peluang pekerjaan bergaji tinggi	62.70	61.10	65.40	0.46
	dapat peluang kenaikan pangkat dengan mudah	48.30	45.10	54.20	0.13
	menceburi bidang profesional dengan mudah	49.70	45.10	57.90	0.03**
	meningkatkan tahap kebolehpasaran	72.00	70.50	74.80	0.43
	dapat peluang kerja di organisasi antarabangsa	67.70	66.80	69.20	0.68
	memperbanyak peluang sambung pelajaran	77.70	75.60	81.30	0.25
M4	mengikut kawan	26.70	21.20	36.40	0.00***
	mengikut tren masyarakat	19.00	17.60	21.50	0.41
	memenuhi hasrat ibu bapa	51.70	47.20	59.80	0.04**
	menyokong dasar kerajaan China	44.30	46.10	41.10	0.40
M5	bergaul dengan pelajar tempatan	53.00	58.00	43.90	0.02**
	membina rangkaian antarabangsa	59.70	58.50	61.70	0.60
	belajar bersama pelajar tempatan	69.30	68.40	71.00	0.64

*** Signifikan pada $\alpha= 0.01$

** Signifikan pada $\alpha= 0.05$

* Signifikan pada $\alpha= 0.10$

Sumber: Soal selidik.